

## **ADAKAH PANDEMIK COVID 19 AKAN MENJADI PENGAKHIRAN SUKAN PERMOTORAN DI MALAYSIA?**

**Effma Rozaima Binti Jepiridin & Mohamad Nizam Bin Nazarudin**  
**Fakulti Psikologi & Pendidikan**  
**Universiti Malaysia Sabah**

Pandemik yang melanda dunia iaitu pandemik koronavirus 2019 atau lebih dikenali sebagai covid 19 merupakan sebahagian daripada pandemik penyakit koronavirus yang berpunca daripada sindrom pernafasan akut yang teruk. Pada akhir bulan januari 2020, virus tersebut disahkan mula menular di Malaysia dan terus merebak sehingga berlaku peningkatan kes dari hari ke hari, sehingga pada bulan mac lalu muncul satu kluster tempatan yang besar yang membimbangkan seluruh masyarakat yang membawa kepada Perintah Kawalan Pergerakan. Perintah Kawalan Pergerakan telah diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia secara langsung di televisyen dan media massa lain pada 13 mac 2020 yang dikuatkuasakan pada 18 mac 2020. Semua aktiviti yang melibatkan luar daripada rumah adalah tidak dibenarkan dan akan dikenakan tindakan undang-undang jika didapati sesiapa sahaja yang ingkar kepada arahan dan undang-undang. Penularan wabak covid 19 telah banyak menjejaskan aktiviti harian masyarakat termasuk sukan dan rekreasi. Terdapat banyak persoalan dan perdebatan mengenai kebenaran melakukan aktiviti sukan dan rekreasi diluar rumah. Pada ketika itu juga, banyak kejohanan yang telah ditangguhkan termasuk kejohanan sukan permotoran yang turut menerima impak daripada penularan pandemik covid 19 ini.

Sejak penularan pandemik covid 19 berlaku telah mengakibatkan banyak penangguhan penganjuran sukan termasuk sukan permotoran. Hal ini telah menjejaskan ekonomi Negara serta menjejaskan ekonomi sukan permotoran juga. Antara sukan permotoran yang ditangguhkan termasuk sukan permotoran yang bertaraf dunia yang ditangguhkan iaitu China GT, Japan Super GT, Cub Prix, Toyota Gazoo Championship. Hal ini harus diatasi dengan segera, sekiranya terlambat ia akan memberi impak negatif yang sangat tinggi kepada industri sukan permotoran.

Pada bulan jun 2020 yang lalu, presiden Persatuan Permotoran Malaysia (MAM) Tan Sri Mokhzani Mahathir telah menghantar cadangan-cadangan yang berkaitan Prosedur Standard Operasi (SOP) yang khas untuk sukan permotoran melalui Kementerian Belia dan Sukan bagi membolehkan perlumbaan peringkat antarabangsa dijalankan. Pada hujung bulan jun iaitu 30 jun 2020 Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah mengeluarkan kenyataan mengenai Prosedur Standard Operasi (SOP) sukan dan rekreasi termasuk sukan permotoran yang melibatkan sukan kenderaan bermotor sama ada dilitar atau jalan raya. Sukan permotoran telah dibenarkan mengadakan sukan atau rekreasi di kawasan terbuka (*outdoor*), tertutup (*indoor*), aktiviti yang berbentuk latihan dan berbentuk permainan atau perlawanan yang tidak melibatkan sentuhan fizikal (anggota badan) dan penanjuan pertandingan atau kejohanan. Namun Kejohanan peringkat antarabangsa adalah tidak dibenarkan kerana selain melibatkan pemain, pegawai teknikal, penyokong dan penonton dari pelbagai negara Dalam masa yang sama, Persatuan Permotoran dunia iaitu Federatiom Internationale De L'Automobile (FIA) telah mengeluarkan garis panduan perancangan mitigasi dan penilaian risiko yang juga mengandungi Prosedur Standard Operasi (SOP).

Antara garis panduan Standard Prosedur Operasi yang telah digariskan oleh FIA adalah sebelum acara, semasa dan selepas acara yang harus dipatuhi bagi mengelakkan berlaku penularan sebelum, semasa dan selepas acara. Antara garis panduan atau SOP yang harus dipatuhi ialah:

### **1. Protokol am yang melibatkan pengurusan dan operasi operator premis.**

Protokol am melibatkan pengurusan badan sukan permotoran juga perlu mengikuti Prosedur Standard Operasi yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara. Antara prosedur standard operasi yang harus dipatuhi ialah;

- Imbasan QR (QR Code) aplikasi Mysejahtera dipaparkan di venue bagi pendaftaran individu melalui telefon bimbit masing-masing untuk pengesanan kontak rapat (contact tracing).
- Mencatatkan nama dan nombor telefon sebelum memasuki premis jika tidak menggunakan aplikasi MySejahtera, membuat tempahan atau pengesahan slot atas talian atau telefon sebelum hadir ke venue.
- Tatacara atau peraturan berkaitan pencegahan penularan COVID-19 disediakan selari dengan arahan Kerajaan dari semasa ke semasa.
- Pastikan membuat saringan suhu badan dan saringan gejala (batuk, selsema, sakit tekak & susah bernafas), individu yang mempunyai suhu melebihi 37.5° Celcius atau bergejala (batuk, selsema, sakit tekak & susah bernafas) dilarang memasuki venue.
- Pastikan ada kawalan bilangan minima petugas dan pengguna bagi setiap sesi mengikut keluasan venue dan sentiasa dikawal selia oleh petugas. Mewajibkan pemakaian “face mask” di kawasan premis dan ketika berada di tempat awam apabila tidak melakukan aktiviti sukan.
- Pastikan operasi premis adalah secara berjadual dengan bilangan orang yang terkawal.
- Pastikan pematuhan penjarakan fizikal.
- Pastikan mengamalkan kebersihan tangan bagi setiap individu yang berurusan dengan premis atau organisasi.
- Pastikan penandaan dan pandu arah yang jelas digunakan sebagai panduan untuk pelanggan atau pengguna premis atau venue.
- Pastikan setiap peralatan yang digunakan dibersihkan dan dinyah kuman selepas digunakan.
- Pastikan kaedah penyampaian maklumat adalah dilakukan secara lisan tanpa melibatkan sentuhan fizikal (anggota badan) kepada pengguna premis atau venue.
- Pastikan penggunaan bilik mandi dan bilik persalinan dihadkan bilangan pengguna yang minima serta dibersihkan secara kerap, pembersihan dan nyah kuman premis atau venue dilakukan mengikut kekerapan penggunaan.

## **2. Protokol am individu untuk sukan permotoran.**

- Diwajibkan pemakaian pelitup muka di kawasan premis dan ditempat awam apabila tidak melakukan aktiviti sukan.
- Pastikan memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera ke dalam telefon bimbit masing-masing untuk pengesanan kontak rapat (contact tracing).
- Pastikan aktiviti sukan, rekreasi dilakukan di premis atau lokasi yang mematuhi Standard Prosedur Operasi sukan dan rekreasi yang diluluskan oleh kerajaan.
- Pastikan aktiviti sukan atau rekreasi dilakukan di kawasan yang tidak terlalu ramai orang.
- Pastikan etika dalam amalan bersukan atau rekreasi diberikan keutamaan iaitu seperti pastikan langkah-langkah kebersihan sebelum, semasa dan selepas menjalankan aktiviti dipatuhi.
- Dilarang meludah merata-rata.
- Pastikan tinggalkan premis atau tempat latihan secepat mungkin selepas aktiviti dijalankan.
- Mempraktikkan amalan agar tidak bersalaman atau bersentuhan fizikal dengan sengaja.
- Pastikan pengurangan interaksi fizikal sebelum, semasa dan selepas melakukan aktiviti.
- Dilarang berkongsi peralatan seperti botol air minuman, makanan, pakaian, tuala muka dan peralatan peribadi.
- Pastikan pengguna membersihkan diri sebelum melakukan aktiviti sukan atau rekreasi air di kolam renang. Pastikan mematuhi prosedur dan arahan yang ditetapkan sepanjang masa.

Namun kemaskini pada 27 oktober 2020 yang lalu, MKN telah menarik semula kebenaran untuk mengadakan aktiviti serta pertandingan berkaitan sukan permotoran. Hal ini demikian kerana, terdapat salah seorang peserta perlumbaan ONEXO TKKR SAG dilaporkan positif covid 19. Namun jangkitan tersebut bukanlah berlaku semasa berada litar perlumbaan, jangkitan tersebut berlaku kerana salah seorang daripada rakan serumahnya yang telah dijangkiti oleh virus tersebut. Selain itu, terdapat juga beberapa isu yang berkaitan ingkar arahan Perintah Kawalan Pergerakan yang menyebabkan tindakan tegas perlu ditarik semula serta menarik beberapa kebenaran semasa Perintah Kawalan Pergerakan seperti kebenaran menjalankan aktiviti riadah di luar rumah dan kebenaran melakukan aktiviti sukan permotoran.

Namun begitu terdapat beberapa kebimbangan yang menghantui masyarakat dan mereka yang terlibat dalam sukan permotoran terhadap kebenaran untuk menjalankan aktiviti sukan permotoran yang dibenarkan berjalan seperti sediakala kerana dalam sukan permotoran

melibatkan banyak ahli dalam satu-satu masa. Oleh itu, Prosedur Standard Operasi dalam sukan permotoran sukan sukar dipatuhi. Walaupun menggunakan pelitup muka dikatakan mampu mengurangkan risiko jangkitan namun kebimbangan ini wujud kerana kesukaran untuk mematuhi amalan penjarakan fizikal sukar dikawal ketika melakukan aktiviti permotoran terutamanya semasa melakukan penukaran alat atau sewaktu berlaku kerosakan pada kenderaan peserta. Selain itu, Prosedur Standard Operasi menyarankan agar sentiasa melakukan nyahkuman dan tidak berkongsi alat dengan lain. Hal ini adalah sedikit rumit untuk dipatuhi kerana masa yang terlalu suntuk dan memerlukan banyak tangan untuk mempercepatkan proses kerja menyebabkan ianya sukar untuk dipatuhi. Namun hal ini boleh diatasi dengan langkah yang efektif seperti melakukan pemeriksaan suhu, saringan covid 19 secara pandu lalu dan mengikut Prosedur Standard Operasi yang telah ditetapkan. Sukan permotoran boleh dilakukan semasa penularan pandemik covid 19 ini namun perlu mengikut arahan daripada kerajaan dan mengamalkan KITA JAGA KITA dan sentiasa mematuhi Prosedur Standard Operasi.

Penularan wabak Covid 19 ini menambahkan kegetiran kadaan lagi apabila industri sukan permotoran di Malaysia menghadapi beberapa krisis yang serius. Antara krisis tersebut adalah para penaja telah menarik diri kerana tidak mampu menampung kos. Malahan mereka terpaksa memberhentikan para pekerja ekoran pembatalan dan penangguhan semua perlumbaan akibat pandemik covid 19 yang berlaku di Malaysia. Yang lebih membimbangkan lagi penganjuran sukan permotoran yang telah menanda tangani kontrak hak penyiaran bersama siaran televisyen tertentu seperti RTM, TV 3 dan ASTRO ARENA. Selain itu, terdapat juga beberapa syarikat yang menjalinkan kerjasama dengan industri sukan permotoran ini yang telah terjejas teruk semasa pandemik ini berlaku. Apa yang lebih membimbangkan adalah perlumbaan yang dianjurkan bertaraf antarabangsa yang melibatkan ramai pihak yang menjayakan ini akan memberi risiko kepada sukan permotoran. Seharusnya perlu ada inisiatif yang diambil dalam menangani kekeruhan dan permasalahan yang berlaku dalam kemelut pandemik covid 19 dengan sukan permotoran agar industri sukan ini terus unggul dan berkembang walaupun berlaku kekangan seperti wabak pandemik covid 19 ini.

Kesimpulannya, semua pihak perlu berganding bahu dalam menangani wabak pendemik covid 19 ini agar kita boleh bebas melakukan aktiviti seperti sediakala, perebakan wabak yang berlaku di Malaysia telah banyak menjejaskan aktiviti harian dan membataskan pergerakan dalam kalangan masyarakat terutamanya dalam aktiviti ekonomi. Oleh itu, kita mesti berjaya sama seperti slogan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan iaitu KITA MESTI MENANG dan KITA JAGA KITA